


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-7	Al-A'raaf	206	26	Makkiyyah	Ke-39	8



Zaman Turun Surah

Surah al-A'raaf juga merupakan antara surah terakhir diturunkan ketika Rasulullah s.a.w. berada di Mekah, ia diturunkan pada peringkat ke empat dan terakhir kehidupan Rasulullah s.a.w. di sana, sekitar tahun ke-11 hingga 13 Kenabian. Besar sekali kemungkinan ia diturunkan selepas Surah al-An'aam dan beberapa ayat di permulaan Surah al-Hajj iaitu pada tahun ke-13 Kenabian. Zaman ia diturunkan adalah suatu zaman di mana perancangan jahat membunuh Rasulullah s.a.w. juga telah bermula. Orang-orang kafir Quraisy diancam dengan sejarah kebinasaan umat sebelum mereka. Dinyatakan sebab-sebab kenapa mereka telah dibinasakan, sebab-sebab itu ada juga pada mereka. Di akhir surah ini orang-orang yang beriman diarah supaya bersabar dan beristiqamah.

Beberapa Ciri Khusus Surah al-A'raaf

1. Di dalam ayat ke-34 وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ terdapat kenyataan tentang kebinasaan dan kemusnahan bangsa-bangsa bahawa sebagaimana individu, bangsa-bangsa juga mempunyai tarikh kematian dan kemusnahannya. Apabila sampai waktu itu, tiada lagi peluang untuk mereka menolaknya. (Ayat: 34)

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَجَلٌ فَإِذَا جَاءَ أَجْلُهُمْ لَا يَسْتَفِيدُونَ ﴿٣٤﴾

2. Surah ini mengandungi sunnatullah dalam membinasakan umat manusia dan sunnatullah dalam menggantikan mereka dengan umat yang lain, di mana Allah setelah memberi peluang kepada bangsa-bangsa untuk beberapa ketika, membinasakannya. Pada ketika itu, orang-orang yang baik diselamatkan, kemudian suatu bangsa dan kaum yang lain pula akan memegang kuasa dan mengambil alih tempat umat sebelumnya.

3. Dari segi susunan ayat, Surah al-A'raaf kelihatan menyerupai Surah Hud. Kedua-dua surah mengandungi 8 paragraf, di antara pendahuluan dan penutupnya terdapat 6 peristiwa kebinasaan beberapa kaum dan umat di samping penggantian mereka dengan kaum dan umat yang lain. Melalui peristiwa-peristiwa itu, manusia difahamkan tentang sunnatullah dalam membinasakan bangsa-bangsa dan sunnatullah dalam menggantikan mereka dengan bangsa-bangsa yang lain.

Pertalian Dan Kesenambungan Di Antara Surah Al-A'Raaf Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Apa yang tersebut secara umum berkenaan dengan Bani Israil dalam bahagian pendahuluan Surah al-Baqarah, diulangi di dalam Surah al-A'raaf untuk Bani Isma'il pula dalam satu gaya cerita yang baharu.
2. Di dalam Surah al-An'aam disebutkan tentang kebinasaan beberapa kaum secara umum melalui ayat ke-enamnya, di dalam Surah al-A'raaf ini terdapat perincian tentang kebinasaan enam kaum secara

berturut-turut.

3. Di dalam Surah al-Anfaal selepas ini ada hukum tentang jihad. Surah al-A'raaf menjelaskan bagaimana Allah membinasakan bangsa-bangsa dan umat-umat yang jahat secara langsung. Di dalam dua surah selepasnya pula Allah menyatakan bagaimana orang-orang yang jahat itu dibinasakan secara tidak langsung melalui orang-orang Islam.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Penting Surah

1. Kebinasaan dan kemusnahan bangsa-bangsa: Manusia diperingatkan supaya mengambil i'tibar daripada kebinasaan dan kemusnahan bangsa-bangsa dan umat-umat sebelum mereka, Allah telah membinasakan segolongan manusia ketika mereka sedang tidur atau ketika mereka sedang berehat di waktu siang. (Ayat: 4)

وَكَمْ مِنْ قَرْيَةٍ أَهْلَكْنَاهَا فَجَاءَهَا بَسْءًا بَيْتًا أَوْ هُمْ قَائِلُونَ ﴿٤﴾

Surah ini mengemukakan kisah kebinasaan enam kaum, ia menyebutkan juga jenayah-jenayah yang dilakukan mereka, cara mereka dibinasakan juga dijelaskan.

(a) Kebinasaan Kaum Nuh: kebinasaan kaum Nuh telah berlaku kira-kira 3,500 tahun sebelum Masihi kerana kesalahan mendustakan Nabi Nuh, kaumnya telah ditenggelamkan. (Ayat: 64)

كَذَّبُوهُ وَفَجَّيْنَاهُ وَالَّذِينَ مَعَهُ فِي الْفُلْكِ وَأَغْرَقْنَا الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا

(b) Kebinasaan Kaum Hud (Kaum 'Aad): Kebinasaan kaum 'Aad telah berlaku kira-kira 3,000 tahun sebelum Masihi kerana mendustakan Rasul yang diutuskan kepada mereka, kaum 'Aad telah dibinasakan dengan angin yang kencang, orang-orang yang beriman kepadanya pula diselamatkan. (Ayat: 72)

وَفَجَّيْنَاهُ وَالَّذِينَ مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِنَّا وَقَطَّعْنَا ذَاوِرَ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا

(c) Kebinasaan Kaum Shaleh (Kaum Tsamud): Kaum Tsamud telah dibinasakan kira-kira 2,500 tahun sebelum Masihi, mereka dibinasakan kerana mendustakan Nabi Shaleh yang diutuskan kepada mereka dengan gempa bumi yang kuat. (Ayat: 78)

وَحَدَّثَنَاهُمْ الرِّجْفَ فَصَبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَثِيمِينَ ﴿٧٨﴾

(d) Kaum Luth: Kaum Luth dibinasakan pada kira-kira 2,100 tahun sebelum Masihi kerana mendustakan seruan Nabi Luth, kaumnya telah dihujani dengan hujan batu dan api. (Ayat: 84)

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَأَنْظَرْ كَيْفَ كَانَ عَقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ ﴿٨٤﴾

- (e) Kebinasaaan Kaum Syu'aib: ia telah berlaku kira-kira 1,400 tahun sebelum Masihi kerana mendustakan Nabi Syu'aib, kaumnya juga telah dibinasakan dengan gempa bumi yang dahsyat. (Ayat: 91)

فَخَذَتْنَهُمُ الرِّجْفَةُ وَصَبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَلِيمِينَ ﴿٩١﴾

- (f) Kebinasaaan Fir'aun Dan Pengikut-Pengikutnya Di Zaman Nabi Musa: Ia berlaku kira-kira 1,300 tahun sebelum Masihi kerana mendustakan seruan Musa, Fir'aun dan pengikut-pengikutnya telah ditenggelamkan di dalam laut Qulzum. (Ayat: 136)

فَأَنقَضْنَا مِنْهُمْ فَرْقَنَهُمْ فِي آلِيمٍ بِأَنَّهُمْ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ ﴿١٣٦﴾

2. Kisah Adam dan Iblis disebutkan secara terperinci di dalam surah ini:

- (a) Iblis enggan bersujud kepada Adam لَمْ يَكُنْ مِنَ السَّاجِدِينَ

- (b) Iblis beranggapan dia lebih baik daripada Adam kerana Adam dijadikan daripada tanah sedangkan dia dijadikan daripada api. Sikap takabbur yang ada padanya itulah yang membinasakannya. (Ayat: 12)

أَنَا خَيْرٌ مِنْهُ خَلَقْتَنِي مِنْ نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِنْ طِينٍ ﴿١٢﴾

- (c) Surah ini menjelaskan bagaimana cara Iblis menipu daya manusia, tipu dayanya mendorong manusia bertelanjang dan membuang sifat malu yang ada di dalam dirinya. (Ayat: 20)

فَوَسَّوَسَ لَهُمَا الشَّيْطَانُ لِيُبْدِيَ لَهُمَا مَا وُورِيَ عَنْهُمَا مِنْ سَوْآتِهِمَا

- (d) Iblis telah menipu Adam dan Hawwa' dengan mengatakan sebabnya kamu berdua dilarang daripada mendekati pokok itu tidak kerana lain melainkan takut kamu berdua menjadi malaikat atau mendapat kehidupan yang abadi. (Ayat: 20)

مَا نَهَيْكُمَا رَبُّكُمَا عَنْ هَذِهِ الشَّجَرَةِ إِلَّا أَنْ تَكُونَا مَلَكَتَيْنِ أَوْ تَكُونَا مِنَ الْخَالِدِينَ ﴿٢٠﴾

- (e) Iblis sebelum menipu, telah bersumpah dengan bersungguh-sungguh dan menyatakan dirinya tidak lebih daripada penasihat yang mahukan kebaikan Adam dan Hawwa'. (Ayat: 21)

وَقَاسَمَهُمَا إِنِّي لَكُمَا لَمِنَ النَّاصِحِينَ ﴿٢١﴾

- (f) Dengan menceritakan kisah Adam dan Hawwa' itu kepada anak cucunya, Allah mahu mengingatkan mereka tentang tipu daya Iblis. Mereka jangan sekali-kali terpedaya dengannya kerana ia adalah musuh. Iblis mendorong manusia melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak bermaruah dan keji. Iblis dan puak-puaknya dapat melihat manusia sedangkan manusia pula

tidak nampak mereka. Allah menyebutkan orang-orang yang tidak beriman sebagai kawan Iblis. (Ayat: 27)

يَبْنِيْ عَادَمَ لَا يَفْتِنَنَّكُمُ الشَّيْطَانُ كَمَا أَخْرَجَ أَبَوَيْكُم مِّنَ الْجَنَّةِ يَنزِعُ عَنْهُمَا لِبَاسَهُمَا لِيُرِيَهُمَا سَوْءَٰتِهِمَا إِنَّهُ يَرَلَكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِّنْ حَيْثُ لَا تَرَوْنَهُمْ إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيَاطِينَ أَوْلِيَاءَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٧﴾

3. Di dalam Surah al-A`raaf juga disebutkan bagaimana pemimpin-pemimpin bangsa-bangsa yang sombong dibinasakan:

(a) Pemimpin-pemimpin yang mendustakan ayat-ayat Allah dan menolaknya dengan sombong diberi peringatan yang jelas bahawa mereka sekali-kali tidak akan dapat masuk syurga. (Ayat: 40)

إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا تُفَتَّحُ لَهُمْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّىٰ يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِينَ ﴿٤٠﴾

(b) Pemimpin-pemimpin kaum Tsamud juga kafir dan sombong, mereka menganiayai dan memeras orang-orang bawahan, masyarakat bawahan walaupun mereka ditekan dan lemah mereka tetap beriman kepada Nabi Shaleh. (Ayat: 75)

قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا مِنْ قَوْمِهِ لِلَّذِينَ اسْتُضْعِفُوا لِمَنْ ءَامَنَ مِنْهُمْ أَتَعْلَمُونَ أَنَّ صَالِحًا مُّرْسَلٌ مِّن رَّبِّهِ قَالُوا إِنَّا بِمَا أُرْسِلَ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٧٥﴾

(c) Pemimpin-pemimpin kaum Syu`aib yang kafir juga sombong, mereka mengugut Nabi Syu`aib dan pengikut-pengikutnya yang beriman dengan ancaman buang negeri. Ancaman yang diberikan oleh pemimpin-pemimpin kaum kepada Nabi Syu`aib dan pengikut-pengikutnya yang beriman ialah sama ada kamu tinggalkan negeri ini atau kamu kembali semula kepada agama kafir yang asal. (Ayat: 88)

﴿قَالَ الْمَلَأُ الَّذِينَ اسْتَكْبَرُوا مِنْ قَوْمِهِ لَخُذْ جَنَّكَ يَشْعِيبُ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَكَ مِنْ قَرْيَتِنَا أَوْ لَتَعُودَنَّ فِي مِلَّتِنَا﴾

Nabi Syu`aib mengadu tentang ketiadaan kebebasan hak beragama, baginda bertanya: “Apakah kamu akan memaksa kami memilih agama syirik dan karut walaupun kami tidak menyukainya?” (Ayat: 88)

﴿قَالَ أَوْلَوْ كُنَّا كَٰرِهِينَ﴾

4. Melalui Surah al-A`raaf dapat diketahui dengan terang bahawa sekalian nabi-nabi mula-mula sekali

menyeru manusia supaya bertauhid, beribadat kepada Allah dan tidak beribadat kepada selainnya.

(a) Nabi Nuh telah menyeru kaumnya kepada tauhid. (Ayat: 59)

لَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَقَالَ يَتَقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

(b) Nabi Hud telah menyeru kaumnya kepada tauhid. (Ayat: 65)

وَإِلَىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا قَالَ يَتَقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

(c) Nabi Shaleh telah menyeru kaumnya, kaum Tsamud kepada tauhid. (Ayat: 73)

وَإِلَىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا قَالَ يَتَقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

(d) Nabi Syu'aib juga telah menyeru kaumnya, penduduk Madyan kepada tauhid. (Ayat: 85)

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا قَالَ يَتَقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ

5. Untuk beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. manusia perlu berfikir tentang kebenarannya melalui sejarah kehidupan dan ajarannya.

(a) Antara bukti kebenaran kerasulan Muhammad berdasarkan sejarah dan dalil naqli ialah Baginda telah disebutkan di dalam kitab Taurat dan Injil. (Ayat: 157)

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ

(b) Bukti kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. juga dapat dilihat melalui sejarah hidup dan ajaran-ajarannya yang menyuruh manusia melakukan kebaikan dan melarang manusia daripada melakukan kejahatan. Benda-benda yang baik dihalalkan dan benda-benda yang kotor pula diharamkan. Baginda memperjuangkan keadilan masyarakat dan ekonomi. Baginda juga menghilangkan beban aqidah-aqidah yang salah, khurafat dan tahyul. Dengan berada di atas landasan tauhid yang bersih dan murni, Baginda mengajak orang ramai juga supaya berada di landasan itu. Baginda mahu membebaskan manusia daripada syirik, bid'ah, eksploitasi, kezaliman dan kekejaman di antara manusia (الأغلال) (Ayat: 157)

يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ

(c) Hanya orang yang beriman kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan kepada cahaya (al-Qur'an) yang diturunkan kepada Baginda sahaja yang akan berjaya. (Ayat: 157)

فَالَّذِينَ آمَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

(d) Rasulullah s.a.w. diperintahkan supaya membuat perisytiharan secara terbuka tentang risalah Baginda untuk sekalian alam. Baginda adalah utusan tuhan yang menguasai langit dan bumi dan menguasai hidup dan mati manusia, semua manusia termasuk Bani Isma'il dan Bani Israil diseru supaya beriman kepada nabi ummiy (Nabi Muhammad s.a.w.). (Ayat: 158)

قُلْ يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَتَمِثُّوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ

النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ